

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT UNTUK KEMPEN CABUTAN KFH AKAUN LIBSHARA-i (“KEMPEN”)

KFH Akaun Libshara-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 untuk setiap pendeposit

1. Tempoh Kempen

- 1.1. Kempen Cabutan KFH (“Kempen”) ini dianjurkan oleh Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad (“KFH Malaysia”) dan akan bermula dari 00:00 (GMT+8) pada 1 April 2024 hingga jam 23:59 (GMT+8) 31 Mac 2025 (termasuk kedua-dua tarikh) (“Tempoh Kempen”).
- 1.2. KFH Malaysia mempunyai hak dan budi bicara untuk mengubah atau meminda Tempoh Kempen pada bila-bila masa dengan notis terlebih dahulu, tanpa memberi sebarang sebab.

2. Kelayakan

- 2.1. Kempen ini terbuka kepada pelanggan individu baru dan sedia ada KFH Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas, pemastautin atau bukan pemastautin di Malaysia (“Pelanggan”).
- 2.2. Produk yang layak untuk Kempen ini adalah seperti berikut: (“Produk Yang Layak”)
 - KFH Akaun Libshara-i (akaun individu dan akaun bersama); (“Libshara-i”)
- 2.3. Bagi pemegang akaun bersama Libshara-i, hanya pemegang akaun utama yang akan layak untuk mengambil bahagian.

3. Kategori-kategori Cabutan dan Kekerapannya (Sila rujuk Lampiran A untuk Jadual Cabutan yang lengkap)

Kategori Cabutan	Kategori Hadiah	Kekerapan	Jumlah Pemenang	
			Setiap Cabutan	Tempoh Kempen
Cabutan Suku Tahunan	Hadiah Pertama	2	5	10
	Hadiah Saguhati	2	4	8
	Pelanggan Baharu	2	4	8
	Hadiah Kesetiaan	2	5	10
Cabutan Khas Akhir Tahun	Hadiah Pertama	1	5	5
	Hadiah Saguhati	1	4	4
	Pelanggan Baharu	1	4	4
	Hadiah Kesetiaan	1	5	5
Cabutan Utama	Hadiah Pertama	1	1	1
	Hadiah Kedua	1	1	1
	Hadiah Ketiga	1	1	1
	Hadiah Saguhati	1	15	15
Jumlah Pemenang				72

4. Kriteria Kelayakan

4.1. Amaun Minimum

- Pelanggan hendaklah mempunyai amaun minimum purata baki semasa di dalam Produk Yang Layak seperti berikut:

Produk yang Layak	Amaun Minimum		
	Cabutan Suku Tahunan dan Khas Akhir Tahun		Cabutan Utama
KFH Akaun Libshara-i	RM1,000 purata baki semasa dikekalkan dalam tempoh cabutan yang ditetapkan untuk Hadiah Pertama, Saguhati dan Pelanggan Baharu	RM500 purata baki semasa dikekalkan dalam tempoh cabutan yang ditetapkan untuk Hadiah Kesetiaan	RM5,000 purata baki semasa dikekalkan dalam tempoh cabutan yang ditetapkan

- Purata Baki Semasa (“PBS”) ditentukan dengan mengira jumlah akhir baki semasa pada setiap hari (pada jam 23:59 (GMT+8)) di dalam akaun Libshara-i dalam tempoh deposit tertentu dibahagikan dengan bilangan hari dalam tempoh yang dinyatakan. Formula untuk pengiraan PBS adalah seperti berikut:

Pengiraan PBS

$$= \frac{\text{Jumlah akhir baki semasa didalam KFH Akaun Libshara-i bagi tempoh cabutan masing-masing}}{\text{Bilangan hari bagi tempoh cabutan masing-masing}}$$

4.2. Kategori Cabutan dan Penyertaan

Cabutan Suku Tahunan dan Khas Akhir Tahun	Cabutan Utama
a. Hadiah Pertama dan Saguhati <ul style="list-style-type: none"> • 8 cabutan untuk setiap RM1,000 PBS 	8 cabutan untuk setiap RM5,000 PBS
b. Hadiah Pelanggan Baharu - KFH Akaun Libshara-i dibuka semasa tempoh kekerapan cabutan masing-masing dan aktif <ul style="list-style-type: none"> • 8 cabutan untuk setiap RM1,000 PBS • 1 cabutan tambahan 	
c. Hadiah Kesetiaan - KFH Akaun Libshara-i dibuka antara 2017 - 2023 dan aktif <ul style="list-style-type: none"> • 8 cabutan untuk setiap RM500 PBS 	

- Ilustrasi pengiraan cabutan

a. Cabutan Suku Tahunan dan Khas Akhir Tahun

Tarikh	1/4/2024 hingga 30/4/2024	1/5/2024 hingga 31/5/2024	1/6/2024 hingga 30/6/2024
Jumlah Akhir Baki Semasa (RM)	5,000	8,000	10,000
Jumlah	RM5,000 x 30 hari = RM150,000	RM8,000 x 31 hari = RM248,000	RM10,000 x 30 hari = RM300,000

Nota: Pengiraan diatas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

- Jumlah Hari : 91 hari
- Jumlah Baki : RM150,000 + RM248,000 + RM300,000 = RM698,000
- PBS : RM698,000 / 91 hari = RM7,670.33, dibundar ke bawah kepada nilai ribu terdekat; RM7,000

- Kelayakan Cabutan : Sekiranya RM1,000 PBS = 8 cabutan, RM7,000 PBS = **56 cabutan**

b. Cabutan Utama

Tarikh	1/4/2024 hingga 30/9/2024	1/10/2024 hingga 31/3/2025
Jumlah Akhir Baki Semasa (RM)	10,000	25,000
Jumlah	RM10,000 x 183 hari = RM1,830,000	RM25,000 x 182 hari = RM4,550,000

Nota: Pengiraan diatas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

- Jumlah Hari : 365 hari
- Jumlah Baki : RM1,830,000 + RM4,550,000 = RM6,380,000
- PBS : RM6,380,000 / 365 hari = RM17,479.45, dibundar ke bawah kepada nilai ribu terdekat; RM17,000
- Kelayakan Cabutan : Sekiranya RM5,000 PBS = 8 cabutan, RM17,000 PBS = **24 cabutan**

c. Hadiah Pelanggan Baharu

Tarikh	5/4/2024 hingga 30/4/2024	1/5/2024 hingga 31/5/2024	1/6/2024 hingga 30/6/2024
Jumlah Akhir Baki Semasa (RM)	5,000	8,000	10,000
Jumlah	RM5,000 x 26 hari = RM130,000	RM8,000 x 31 hari = RM248,000	RM10,000 x 30 hari = RM300,000

Nota: Pengiraan diatas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

- Pembukaan Akaun : 5 April 2024
- Tempoh Cabutan : Suku Tahunan 1 - April hingga Jun 2024
- Jumlah Hari : 87 hari
- Jumlah Baki : RM130,000 + RM248,000 + RM300,000 = RM678,000
- PBS : RM678,000 / 87 days = RM7,793.10, dibundar ke bawah kepada nilai ribu terdekat; RM7,000
- Kelayakan Cabutan : Sekiranya RM1,000 PBS = 8 cabutan, RM7,000 PBS = 56 cabutan + 1 cabutan tambahan = **57 cabutan**

d. Hadiah Kesetiaan

Tarikh	1/4/2024 hingga 30/4/2024	1/5/2024 hingga 31/5/2024	1/6/2024 hingga 30/6/2024
Jumlah Akhir Baki Semasa (RM)	5,000	8,000	10,000
Jumlah	RM5,000 x 30 hari = RM150,000	RM8,000 x 31 hari = RM248,000	RM10,000 x 30 hari = RM300,000

Nota: Pengiraan diatas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

- Pembukaan Akaun : 2017
- Jumlah Hari : 91 hari
- Jumlah Baki : RM150,000 + RM248,000 + RM300,000 = RM698,000
- PBS : RM698,000 / 91 hari = RM7,670.32, dibundar ke bawah kepada nilai ribu terdekat; RM7,000

- Kelayakan Cabutan : Sekiranya RM500 PBS = 8 cabutan, RM7,000 PBS = **112 cabutan**

- Walau bagaimanapun, KFH Malaysia, mengikut budi bicaranya boleh menyemak semula Kriteria Kelayakan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa sebagaimana yang difikirkannya patut dan sesuai;
- Pelanggan yang telah mematuhi Kriteria Kelayakan seperti yang dinyatakan dalam klausa 4 selepas ini, akan dikira sebagai "Peserta";
- Peserta dengan nombor cabutan penyertaan yang tinggi mempunyai peluang yang lebih untuk menang, tertakluk kepada cabutan yang dilakukan.

5. Pemilihan Pemenang

- 5.1. Tarikh cabutan akan dimaklumkan di laman sesawang KFH Malaysia kfh.com.my ("Tarikh Cabutan"). Walau bagaimanapun KFH Malaysia boleh menyemak semula tarikh dan kekerapan cabutan hadiah dari semasa ke semasa di atas budi bicaranya.
- 5.2. Semua penyertaan yang layak akan dimasukkan ke dalam cabutan terkumpul dan cabutan akan dibuat pada Tarikh Cabutan masing-masing.
- 5.3. Minimum purata baki semasa RM500 (untuk Hadiah Kesetiaan dalam cabutan suku tahunan / Khas Akhir Tahun), RM1,000 (cabutan suku tahunan / Khas Akhir Tahun), dan RM5,000 (cabutan utama) mesti dikekalkan di dalam KFH Akaun Libshara-i sepanjang tempoh cabutan untuk layak mendapatkan hadiah.
- 5.4. Cabutan akan dijalankan di hadapan jawatankuasa pemilihan KFH Malaysia dan satu pihak berkecuali. Pemenang yang disenarai pendek harus menjawab satu (1) soalan sebelum diisytiharkan sebagai pemenang hadiah ("Pemenang").
- 5.5. KFH Malaysia akan menghubungi Pemenang yang telah disenarai pendek melalui nombor telefon yang telah diberi kepada KFH Malaysia semasa pembukaan akaun / aplikasi pembiayaan. Maksimum tiga (3) percubaan akan dibuat untuk menghubungi Pemenang yang disenarai pendek dalam masa dua (2) hari bekerja yang berbeza, dari hari Isnin hingga Jumaat antara jam 10 pagi dan 6 petang.
- 5.6. Jawatankuasa pemilihan pemenang KFH Malaysia mempunyai hak untuk memilih pengganti Pemenang yang telah disenarai pendek apabila perlu, termasuk tetapi tidak terhad kepada, situasi berikut:
 - i) Pemenang yang disenarai pendek gagal dihubungi;
 - ii) Pemenang yang disenarai pendek gagal menjawab soalan dengan betul;
 - iii) Pemenang yang disenarai pendek telah melantik orang lain / wakil untuk menjawab soalan / bagi pihaknya;
 - iv) Pemenang yang disenarai pendek secara sukarela untuk membatalkan hadiahnya;
 - v) Pemenang yang disenarai pendek menolak atau enggan menghadiri mana-mana acara yang akan dijalankan oleh KFH Malaysia seperti upacara penyampaian hadiah, wawancara akhbar, sesi penggambaran atau sebarang acara publisiti lain (bagi kategori Cabutan Utama);
 - vi) Pemenang yang disenarai pendek tidak menuntut hadiah dalam tempoh yang ditetapkan.
 - vii) Pemenang yang disenarai pendek melakukan pelanggaran mana-mana terma dan syarat termasuk mana-mana perjanjian atau akujanji yang tertera disini
- 5.7. Senarai Pemenang akan dipaparkan di laman web kfh.com.my atau mana-mana cara lain yang sesuai atau praktikal oleh KFH Malaysia dalam tempoh masa 14 hari berkerja dari tarikh cabutan.

5.8. Semua keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa pemilihan pemenang disifatkan sebagai muktamad dan konklusif. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan tidak akan dilayan dalam apa jua keadaan sekalipun.

5.9. Peserta hanya berhak untuk menerima:

- i) Satu (1) hadiah suku tahun dalam tempoh satu suku tahun; dan / atau
- ii) Satu (1) hadiah utama dalam tempoh setahun.

5.10. Semua Pemenang tidak layak untuk menyertai satu (1) cabutan bulanan berikutnya / suku tahunan berikutnya, tetapi akan layak untuk menyertai cabutan selepas tempoh itu, tertakluk kepada maksimum dua (2) kali menang bagi setiap kategori . Ilustrasi adalah seperti di bawah:

Pemenang	Kategori : Cabutan Sukut Tahunan / Khas Akhir Tahun			Kategori : Cabutan Utama
	Q1	Q2	Khas Akhir Tahun	
A	Menang	X	✓	✓
B	✓	Menang	X	✓
C	✓	✓	Menang	✓

Nota: Tanda ✓ merujuk kepada layak untuk menang dan X merujuk kepada tidak layak untuk menang

6. Hadiah-hadiah dan Pemenuhan

6.1. Jumlah hadiah wang tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Libshara-i Pemenang masing-masing dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh pengumuman Pemenang.

6.2. Hadiah-hadiah

Kategori Cabutan	Kategori Hadiah	Hadiah
Suku Tahunan (2 kali)	Hadiah Pertama	<ul style="list-style-type: none"> • Baucar Percutian bernilai RM10,000 • 10gram Emas • RM10,000 Tunai
	Hadiah Saguhati	<ul style="list-style-type: none"> • RM3,000 Tunai
	Pelanggan Baharu	<ul style="list-style-type: none"> • RM1,000 Tunai
	Hadiah Kesetiaan	<ul style="list-style-type: none"> • 10gram Emas • RM5,000 Tunai
Khas Akhir Tahun	Hadiah Pertama	<ul style="list-style-type: none"> • Baucar Percutian bernilai RM15,000 • 20gram Emas • RM20,000 Tunai
	Hadiah Saguhati	<ul style="list-style-type: none"> • RM5,000 Tunai
	Pelanggan Baharu	<ul style="list-style-type: none"> • RM2,000 Tunai
	Hadiah Kesetiaan	<ul style="list-style-type: none"> • 10gram Emas • RM10,000 Tunai
Utama	Hadiah Pertama	<ul style="list-style-type: none"> • Baucar Percutian bernilai RM25,000 • 100gram Emas • RM100,000 Tunai
	Hadiah Kedua	<ul style="list-style-type: none"> • Baucar Percutian bernilai RM15,000 • 50gram Emas • RM50,000 Tunai
	Hadiah Ketiga	<ul style="list-style-type: none"> • Baucar Percutian bernilai RM10,000 • 20gram Emas

		• RM20,000 Tunai
	Hadiah Saguhati	• RM4,000 Tunai

6.3. Pelaksanaan Baucar Percutian

- i) Baucar percutian boleh ditebus melalui Agensi Pelancongan yang Dilantik (“APD”) sahaja dan tertakluk kepada ketersediaan serta tarikh-tarikh ‘blackout’ yang mungkin berlaku, dibawah budi bicara APD.
- ii) Tempoh sah baucar percutian akan tertakluk kepada budi bicara APD dan pemenang. KFH Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas baucar percutian yang tamat tempoh.
- iii) Baucar percutian tertakluk kepada term-terma dan syarat-syarat dan tidak boleh dipinda kepada mana-mana pihak lain dan tidak boleh ditukar dengan barangan atau kredit lain, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.
- iv) Pemenang bertanggungjawab ke atas semua kos tambahan yang berkaitan dengan perjalanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada kos penginapan, makanan, cukai, yuran, dan caj, yang tidak termasuk dalam baucar percutian yang dikeluarkan oleh APD.
- v) Sebarang pertikaian yang timbul dari Hadiah Kempen mesti diselesaikan secara langsung oleh Pemenang dan APD. KFH Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk menyiasat atau menyelesaikan sebarang pertikaian antara Pemenang dan APD dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan atau membatalkan sebarang penebusan sebagai hasil pertikaian tersebut.
- vi) Pemenang dengan ini mengakui dan bersetuju bahawa KFH Malaysia mengecualikan semua jaminan dan/atau liabiliti berkaitan baucar percutian. Peserta hendaklah menanggung liabiliti dan tanggungjawab penuh sekiranya berlaku sebarang liabiliti, kecelakaan, kecederaan, kerugian, kerosakan, tuntutan atau kemalangan yang disebabkan oleh penyertaan Kempen, penebusan dan/atau penggunaan baucar percutian. KFH Malaysia tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian, kerosakan atau kecederaan (termasuk kematian) dalam apa jua cara yang dialami yang disebabkan oleh penyertaan Kempen, penebusan dan/atau penggunaan baucar percutian.
- vii) Visual Hadiah di Laman Web KFH Malaysia atau bahan promosi rasmi untuk Kempen ini hanya untuk tujuan ilustrasi sahaja.

7. Am

7.1. Kesemua Peserta adalah dengan ini bersetuju dengan perkara-perkara berikut:

- i) Memberi persetujuan kepada KFH Malaysia untuk menyiarkan nama dan identiti mereka dalam mana-mana media, pengiklanan atau pemasaran bahan-bahan termasuk wawancara, pemberian hadiah atau acara publisiti lain yang dijalankan oleh KFH Malaysia;
- ii) KFH Malaysia mempunyai hak untuk mengubah suai, menggunakan dan / atau menerbitkan imej Pemenang bagi apa-apa tujuan pemasaran atau komersial tanpa apa-apa pampasan atau bayaran; dan
- iii) Hadir dan mengambil bahagian dalam mana-mana acara yang akan dijalankan oleh KFH Malaysia seperti upacara penyampaian hadiah, wawancara akhbar, sesi penggambaran atau apa jua acara publisiti.

7.2. KFH Malaysia berhak menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan mempunyai hak dan budi bicara untuk mengubah, memadam atau menambah mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini secara keseluruhannya atau sebahagiannya dengan memaklumkan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu. KFH Malaysia boleh memberi notis atau komunikasi tersebut kepada Peserta yang Layak melalui apa-apa cara atau kaedah yang difikirkan sesuai termasuk tanpa had melalui pos, pemberitahuan dalam media massa, penyiaran notis di cawangan-cawangan KFH Malaysia, memasukkan notis ke dalam



penyata akaun berkala, penghantaran elektronik (termasuk melalui faksimili, telefon bimbit, peranti lain atau internet) atau dengan memaparkan notis di laman sesawang KFH Malaysia atau di ATM atau terminal lain di bawah kawalan KFH Malaysia. Terma dan syarat ini boleh didapati di kfh.com.my.

- 7.3. Peserta / Pemenang hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang cukai dan / atau duti perlu dibayar berkaitan dengan penyertaan Peserta dalam Kempen ini, termasuk penebusan, menerima atau menggunakan Hadiah, sekiranya ada.
- 7.4. Terma dan syarat ini akan mendahului mana-mana peruntukkan atau perwakilan yang terkandung dalam sebarang bahan promosi (termasuk tanpa had, risalah atau banting dicetak) atau mana-mana iklan untuk produk ini.
- 7.5. Keputusan yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad kepada semua Peserta / Pemenang. Jika ada perkara berbangkit yang tidak terkandung di dalam Terma dan Syarat ini, ia akan ditentukan oleh KFH Malaysia.
- 7.6. Terma dan syarat ini akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Peserta bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa mahkamah Malaysia
- 7.7. Terma dan syarat tertentu yang dinyatakan di sini dan semua terma dan syarat lain yang mengawal Produk Yang Layak hendaklah terus terpakai.

Lampiran A

Jadual Cabutan Libshara (1 April 2024 - 31 Mac 2025)

Kategori Cabutan	Tempoh Deposit	Tarikh Cabutan
Cabutan Suku Tahunan JUN : Suku Pertama	1 Apr - 30 Jun 2024	10 Jul 2024
Cabutan Suku Tahunan SEPTEMBER : Suku Kedua	1 Jul - 30 Sep 2024	10 Okt 2024
Cabutan Suku Tahunan DISEMBER : Cabutan Khas Akhir Tahun	1 Okt - 31 Dis 2024	9 Jan 2025
Cabutan Utama	1 Apr 2024 - 31 Mar 2025	10 Apr 2025